

**DATE:** 6 JULY 2013  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SEDIA AMBIL ALIH SYARIKAT O&G  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 380 CM<sup>2</sup>

# Sedia ambil alih syarikat O&G

» Sona Petroleum tumpu sekitar Asia, kawasan terpilih di Afrika

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@mediaprima.com.my

■ Kuala Lumpur

**S**ona Petroleum Bhd, syarikat tujuan khas pengambilalihan (SPAC) ketiga yang akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia, merancang mengambil alih beberapa syarikat minyak dan gas (O&G) dalam tempoh tiga tahun ini dengan tumpuan kepada syarikat pengeluaran di sekitar Asia Tenggara, Asia Barat dan kawasan terpilih di Afrika.

Syarikat itu semalam melancarkan tawaran awam permulaan (IPO) bagi penyena-raiannya membabitkan 1.1 bilion saham baru yang ditawarkan bersama 1.1 bilion waran percuma pada asas satu waran bagi setiap unit saham biasa yang dilanggan.

Saham dengan nilai tara satu sen seunit itu ditawarkan pada harga indikatif 50 sen seunit. Berdasarkan harga berkenaan, Sona Petroleum dijangka meraih RM550 juta daripada IPO berkenaan.

Pengarah Urusan Sona Petroleum, Datuk Seri Hadian Hashim, berkata sebanyak 90 peratus atau RM495 juta daripada dana yang bakal diraih



Dari kiri: Hadian; Pengarah Eksekutif, Ketua Wilayah dan Malaysia, Korporat dan Pelaburan, Perkhidmatan Perbankan RHB Investment Bank Berhad, Ong Ju Yan; Andreas Johannes Raymundus dan Sooi Lin pada sidang media selepas pelancaran prospektus IPO Sona Petroleum di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

IPO itu akan digunakan untuk tujuan pengambilalihan syarikat O&G dalam tempoh tiga tahun ini.

Baki RM33.79 juta lagi, katanya, akan digunakan sebagai modal kerja dan RM21.21 juta untuk perbelanjaan penyena-raian.

**Tidak mempunyai operasi**  
"Sebagai sebuah SPAC, kami tidak mempunyai operasi atau perniagaan yang menjana pendapatan. Sehubungan itu, kami akan menggunakan dana yang diraih daripada IPO ini bagi mengambil alih operasi syarikat atau aset cari gali dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas secara berterusan dalam masa tiga tahun ini.

"Pengambilalihan syarikat pengeluaran O&G yang sudah mengeluarkan hasil adalah fokus Sona Petroleum kerana ia akan menjana pendapatan segera kepada syarikat," katanya pada sidang media selepas pelancaran prospektus IPO syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Eksekutif Bukan Bebas Sona Petroleum, Andreas Johannes Raymundus van Strijp; Pengerusi RHB Investment Bank, Tan Sri Ong Leong Huat dan Timbalan Ketua Eksekutif CIMB Investment Bank, Kong Sooi Lin.

Hadian menjelaskan, berdasarkan kepada prospek cerah industri O&G, dibantu pu-

la oleh pakar berpengalaman dalam pengurusannya, Sona Petroleum yakin mampu memacu pertumbuhan perniagaannya seterusnya memberikan nilai kepada pemegang sahamnya.

"Bersandarkan kepada Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas, permintaan kepada tenaga dijangka terus meningkat selain peningkatan berterusan dalam harga minyak dan gas dalam jangka panjang susulan pertambahan penduduk dan pendapatan dunia.

"Ia menyediakan peluang kepada syarikat menyertai perniagaan E&P menerusi pengambilalihan dan operasi aset O&G untuk menjana pendapatan," katanya.